

PLS 128.114 27/2/11

Malay language -- dialects -- m'32 -- R. 24

DIALEK KUALA KANGSAR SEBAGAI ENTRI DALAM KAMUS

SAPURA BT DALMI

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMENUHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN

JABATAN BAHASA DAN KESUSASTERAAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

192545

PERPUSTAKAAN UPSI	
Nombor Perolehan	7 8612
Tarikh Perolehan	20/12/11
Punca	faulhi Bahasa
Harga	Rm 200.00
Bilangan Naskah	1
Nombor Panggilan	

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya yang sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

25 MAC 2011



SAPURA BT DALMI

M20082000006

PENGHARGAAN

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA PENYAYANG

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi yang telah menganugerahkan kekuatan, sehingga saya dapat menyempurnakan kajian ini. Pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Mohd. Rashid Bin Md. Idris, penyelia penulisan disertasi ini atas segala bimbingan, tunjuk ajar, teguran dan daya usaha beliau mendidik dan menyemak, serta memberi cadangan dengan penuh kesabaran dan dedikasi. Tidak lupa juga kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa dan Linguistik yang membimbing penulis menimba pelbagai disiplin ilmu pengetahuan yang berharga, dan pengalaman yang padu.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada sahabat-sahabat yang telah membantu saya menyelesaikan tugas ini, tanpa bantuan kalian, penulisan akademik ini tidak mungkin dapat disempurnakan dengan baik.

Akhir sekali penghargaan istimewa ini saya tujukan kepada suami, Encik Zamri Bin Ahmad, anak-anak tersayang Hilman Baqi, Hazman Baqi, Haiman Baqi, Hani Nasuha Baqi dan Hani Najmina Baqi yang sentiasa memahami serta memberi dorongan di sepanjang pembelajaran saya.

ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk mengumpul dan melihat masa hadapan dialek Kuala Kangsar. Usaha pengumpulan dialek Kuala Kangsar ini tertumpu di tiga mukim di sekitar Kuala Kangsar. Usaha ini turut menjelaskan bahawa dialek Kuala Kangsar ini makin terpinggir akibat tempas bahasa Melayu Standard. Golongan muda semakin ramai yang tidak mahu menggunakan dialek berikutan malu dan kesan daripada sistem pendidikan Malaysia yang menitikberatkan bahasa Melayu Standard. Dialek sebenarnya mampu mengambil tempat bahasa pinjaman dalam Bahasa Melayu Standard. Sebutan standard dan dialek ada peranan tersendiri dalam komunikasi. Dialek ini bukan sahaja sebagai alat komunikasi tetapi merupakan satu alat untuk mengenal pasti adat budaya orang Melayu malah identiti bahasa Melayu akan terpelihara dan berkembang.

ABSTRACT

This study is to collect and see the future of Kuala Kangsar dialect. Kuala Kangsar dialect collection efforts were concentrated in three parishes in the vicinity of Kuala Kangsar. This effort also said that Kuala Kangsar dialect is increasingly marginalized due to trace the Standard Malay. An increasing number of young people who do not want to use the dialect of the shame and the impact of the Malaysian education system that emphasized Standard Malay. The dialect is actually able to take a credit in Malay Language Standard. Standard pronunciation and dialects have their own role in the communication. The dialect is not only as a communication tool but a tool to identify the culture of the Malays and even the identity of the Malay language will be maintained and expanded.



JADUAL KANDUNGAN

	MUKA SURAT
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah	4
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Kepentingan Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	8

1.7 Definisi Istilah 9

BAB	2	TINJAUAN LITERATUR	
	2.1	Pengenalan	15
	2.2	Kerangka Teoritikal	16
	2.3	Kajian Literatur	19
	2.4	Rumusan	22
BAB	3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1	Pengenalan	24
	3.2	Tempat Kajian / Daerah Kajian	25
	3.3	Populasi dan Sampel Kajian / Subjek Kajian	31
	3.4	Prosedur dan Alat Kajian	31
	3.5	Analisis Data	34
	3.6	Rumusan	39
BAB	4	DAPATAN KAJIAN	
	4.1	Pengenalan	40
	4.2	Latar Belakang Respon	40
	4.3	Analisis Dapatan Kajian	43

i. Kata Nama	
a) Kata Nama yang berkonsepkan ‘jantina’	43
b) Kata Nama yang berkonsepkan ‘arah’	44
c) Kata Nama yang berkonsepkan ‘bekas untuk memasak’	44
d) Kata Nama yang berkonsepkan ‘selimut’	44
e) Kata Nama yang berkonsepkan ‘jambatan’	45
f) Kata Nama yang berkonsepkan ‘wang’	45
g) Kata Ganti Diri	45
h) Buah-buahan	51
i) Jenis-jenis ikan	53
j) Makanan Melayu	53
k) Kiraan hari dalam masyarakat Melayu	55
ii) Kata Kerja	
a) Kata Kerja berkonsepkan ‘pukul’	56
b) Kata Kerja berkonsepkan ‘tidur’	57
c) Kata Kerja yang berkonsep ‘bercakap’	57
d) Kata Kerja yang berkonsepkan terjatuh	58
e) Kata Kerja yang berkonsepkan ‘kuat makan’	58
f) Kata Kerja yang berkonsepkan ‘baling’	58
g) Kata Kerja yang berkonsepkan ‘berselerak’	59

h) Kata Kerja ‘mari pergi’

59

i) Kata kerja yang berkonsepkan ‘menipu’

59

j) Kata Kerja yang berkonsepkan bising

iii) Kata Sifat

60

a) Kata Sifat yang berkonsepkan ‘kedekut’

60

b) Kata Sifat yang berkonsepkan ‘bogel

60

c) Kata Sifat yang berkonsepkan ‘kebodohan’

61

d) Kata Sifat yang berkonsepkan ‘panas’

61

e) Kata Sifat yang menyatakan ‘perut buncit

61

f) Kata sifat yang menyatakan bergantung

61

g) Kata Sifat yang menyatakan konsep ‘setiap kali’

62

h) Kata Sifat yang berkonsepkan ‘buat tidak tahu’

BAB

5

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

64

5.2 Kesimpulan

65

5.3 Cadangan

65

5.4 Penutup

68

BIBLIOGRAFI	73
LAMPIRAN A	76
LAMPIRAN B	102
LAMPIRAN C	114

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bahasa terdiri daripada sekumpulan dialek, dan penutur-penutur dialek ini pula saling faham-memahami antara satu sama lain. (Chambers, 1983:3). Berdasarkan ciri-ciri linguistik, sama ada dari segi fonologi, morfologi dan sintaksis, ternyata dialek-dialek dalam sesuatu bahasa itu mempunyai banyak persamaan dan juga beberapa perbezaan di antara satu sama lain. Situasi ini menggambarkan dialek-dialek tersebut mengekalkan ciri-ciri warisan yang diwarisi bersama antara satu sama lain. Perbezaan itu pula menunjukkan mereka telah mengalami perkembangan secara tersendiri dan terpisah daripada dialek-dialek yang lain. Dialek merupakan satu kelainan dalam sesuatu bahasanya disebabkan adanya batasan atau halangan dari segi geografi

sesuatu bahagian. Seterusnya, antara satu dialek dengan dialek yang lain masih wujud unsur faham-memahami. Dialek bukanlah timbul kerana perbezaan penggunaan (tetapi berbeza pengguna) kerana yang timbul disebabkan penggunaan bahasa dalam konteks yang berbeza dan disebut laras.

Dialek tidak terikat secara rigid kepada tatabahasa dan selalunya digunakan dalam konteks tidak rasmi. Oleh sebab itu, setiap daerah mempunyai dialek yang berbeza yang kadang kala menyukarkan komunikasi. Seseengah kosa kata dalam dialek sangat berbeza daripada sebutan baku baik dalam makna atau sebutannya. Oleh itu, semua dialek dalam sesuatu bahasa berkembang secara semula jadi. Faktor latar geografi dan waktu merupakan dua faktor utama yang menyebabkan terpecahnya bahasa asal kepada beberapa dialek turunannya.

Menurut Newton (1972: 1), kewujudan pelbagai dialek dalam sesuatu bahasa itu adalah akibat daripada perubahan yang berlaku dari segi sejarah ke atas satu bahasa yang asalnya seragam. James T. Collin (1973), seorang pengkaji dialek terkenal mentakrifkan dialek sebagai:

'satu ragam bahasa yang dapat dibezakan dengan tegas daripada ragam-ragam lain berdasarkan ciri-ciri penyebutan, kosa kata dan tatabahasa. Ragam bahasa ini terdapat dalam daerah geografi tertentu dan di dalam suasana sosial tertentu'
(hal. 15)

Situasi kebahasaan di Malaysia memaparkan penggunaan bahasa Melayu dengan pelbagai kelainannya. Kelainan bahasa Melayu boleh terdiri daripada idiolek, dialek geografi, dialek sosial dan kelainan lain yang diberi penamaan khusus oleh ahli bahasa seperti slanga, jargon, argot, fungsiolek, kronolek, laras dan sebagainya.

Bahasa Melayu sekarang mengalami perkembangan yang pesat. Perkembangan bahasa biasanya berlaku pada peringkat leksikal. Penggunaan variasi bahasa yang berbeza-beza oleh anggota masyarakat dapat meningkatkan lagi korpus kata bahasa Melayu akan terus berkembang dan mantap apabila banyak kata baharu diambil atau dipinjam sama ada daripada bahasa Inggeris, bahasa Arab, Jawa, Latin, Sanskrit dan pelbagai bahasa lagi. Kebelakangan ini perkembangan bahasa Melayu diwarnai dengan penyerapan kosa kata daripada pelbagai dialek daerah.

Lantaran itu dialek mempunyai peranan yang amat besar dalam meningkatkan perkembangan bahasa Melayu. Melalui dialek, kosa kata dapat ditambah dan makna kata dapat disesuaikan keperluan penggunaannya dalam bahasa Melayu. Penggunaan dialek dalam bahasa Melayu secara tidak langsung dapat mengeratkan perpaduan, memperkayakan lagi bahasa Melayu serta kelihatan lebih dominan.

Asmah Hj. Omar (1988) menyatakan bagaimana sesuatu bahasa itu berkembang maju, antaranya melalui proses peresapan dengan cara berpindah daripada mulut ke mulut dan akan terus hidup selagi ada penuturnya. Menurut beliau lagi bahasa Melayu menghasilkan pelbagai dialek dan subdialeknya. Antara dialek tersebut ialah dialek Kedah, Perak, Terengganu, Kelantan, Melaka, Johor, Negeri Sembilan dan sebagainya.

Lantaran itu situasi kedaerahan pemakaian bahasa yang dikategorikan ke dalam dialek-dialek Melayu menjadi penting sebagai penunjang bagi mengutuhkannya kedudukan bahasa kebangsaan. Menurut kata Dr. Amran Halim (1976: 21):

'Pembinaan dan pengembangan bahasa daerah tidak sahaja bertujuan untuk menjaga kelestarian bahasa daerah tersebut, tetapi juga menjaga bermanfaat bagi pembinaan, pengembangan dan pembakuan bahasa Indonesia sebagai bahasa kebangsaan tidak dilepaskan dari pembinaan bahasa daerah kerana kedua-duanya mempunyai hubungan timbal balik yang erat'.

Keupayaan dialek-dialek bahasa Melayu dalam mencapai sasarannya dengan pertimbangan individu yang dilandasi oleh nilai-nilai tertentu memperlihatkan bahawa kesejajaran antara bahasa Melayu dengan dialek-dialek bahasa Melayu harus diselaraskan supaya dapat memperkayakan lagi kedudukan bahasa Melayu yang sedia ada.

1.2 Penyata masalah

Setelah negara mencapai kemerdekaan, pihak kerajaan telah berjaya mengangkat martabat bahasa Melayu ke tahap paling tinggi iaitu sebagai bahasa pengantar utama dalam sistem persekolahan dan menjadi bahasa rasmi negara. Hal ini merupakan satu kejayaan yang patut dibanggakan, tetapi kenyataan sebenarnya perkembangan ini tidak berlaku secara menyeluruh (Hassan Ahmad, 1983). Apa yang berlaku, masih ramai guru- di sekolah yang tidak menggunakan bahasa Melayu standard di dalam bilik darjah semasa pengajaran dan pembelajaran ataupun dalam upacara rasmi di sekolah (Juriah Long, 1985). Sebaliknya mereka kerap kali mencampur adukkan bahasa Melayu standard dengan dialek sesuatu daerah. Hal ini menyebabkan bahasa Melayu telah merosot pencapaian dan perkembangannya sama ada dalam tatabahasa, ejaan, istilah atau sebutan.

Tidak dapat dinafikan Bahasa Melayu telah dinobatkan sebagai bahasa kebangsaan tetapi hakikatnya bahasa Sanskrit, bahasa Arab dan bahasa Inggeris telah mengambil tempat untuk melengkapkan kosa kata bahasa Melayu. Sebenarnya orang Melayu mempunyai banyak kosa kata sendiri yang dikenali sebagai dialek. Malaysia sebenarnya mempunyai banyak dialek yang boleh diketengahkan.

Dialek Kuala Kangsar merupakan antara dialek yang terdapat di Malaysia. Dialek tersebut dituturkan oleh penduduk yang bermastautin di daerah Kuala Kangsar. Kuala Kangsar merupakan bandar diraja negeri Perak. Kawasan Kuala Kangsar meliputi keluasan 204.94 km persegi . Negeri Perak pula bersempadan dengan negeri Kedah, Pulau Pinang dan Thailand di sebelah utara, negeri Kelantan dan Pahang di sebelah timur. Manakala di selatan pula bersempadan dengan negeri Selangor. Perak merupakan negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia selepas Pahang. Kawasan negeri ini meliputi keluasan 13 381.5 kilometer persegi dengan panjangnya dari utara ke selatan sejauh 25658 kilometer. Negeri Perak dibahagi kepada 9 buah daerah, iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Batang Padang, Perak Tengah ,Hilir Perak, Manjung, Krian dan Larut Matang dan Selama.

1.3 Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.3.1 Menghasilkan entri kamus dialek Kuala Kangsar.
- 1.3.2 Mengenal pasti dialek Kuala Kangsar yang boleh digunakan bagi mengurangkan pengantungan kepada kosa kata pinjaman .
- 1.3.3 Mengekalkan penggunaan dialek dalam kalangan masyarakat terutama kepada generasi muda.

1.4 Persoalan kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab ialah:

- 1.4.1 Bolehkah dialek Kuala Kangsar dientrikan ke dalam kamus ?
- 1.4.2 Adakah dialek Kuala Kangsar yang boleh dimasukkan ke dalam kamus untuk menggantikan kosa kata pinjaman?
- 1.4.3 Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk mengekalkan penggunaan dialek dalam kalangan masyarakat, terutamanya dalam generasi muda?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini penting kepada beberapa pihak:

1. Pengkaji dialek

Melalui kajian ini diharapkan banyak maklumat yang dapat dikumpul dan seterusnya menjadi rujukan kepada pengkaji-pengkaji lain pada masa akan datang khususnya yang berminat dalam mengkaji dialek Perak ini nanti. Kajian ini bolehlah

dianggap sebagai pembuka jalan bagi mereka untuk melakukan kajian yang lebih mendalam lagi dan seterusnya dialek Kuala Kangsar dientrikan dalam kamus .

2. Kosa kata bahasa Melayu standard

Kajian ini juga dapat menambahkan kosa kata bahasa Melayu standard dan mengurangkan penggunaan kosa kata pinjaman. Dialek boleh diterap secara berperingkat-peringkat ke dalam bahasa Melayu standard mengikut kesesuaian tatacara kehidupan masyarakat Malaysia. Sekaligus menjadi alat untuk mengenal pasti budaya orang Melayu.

3. Para guru

Melalui kajian ini, guru-guru yang bukan berasal dari Perak dan telah membaca kajian ini dapat membantu mereka mengetahui maksud dialek yang digunakan oleh masyarakat sekitar Kuala Kangsar. Guru Bahasa Melayu pada hakikatnya memerlukan seorang guru yang dapat menguasai bahasa Melayu standard dan dialek terutamanya dialek negeri tempat guru tersebut bertugas. Kefahamannya tentang dialek dan penguasaan bahasa Melayu standard harus berjalan serentak supaya guru dapat menerangkan kepada pelajar perbezaan antara kedua-dua bahasa tersebut. Guru boleh membetulkan penggunaan kosa kata (dialek) dengan memberi alternatif lain daripada bahasa Melayu standard.

4. Para penulis

Para menulis boleh membukukan dialek Kuala Kangsar yang terdapat dalam kajian ini ke dalam kamus yang lebih canggih dan bermutu dalam usaha menambah khazanah bahasa dan boleh menjadi sumber rujukan kepada masyarakat yang berminat tentang dialek. Seterusnya usaha ini merupakan salah satu langkah untuk memastikan dialek tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas.

5. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)

DBP boleh menerima beberapa dialek yang sesuai dan dimasukkan ke dalam bahasa Melayu standard. Kumpulan dialek tersebut wajar diterima pakai dalam penulisan. Cara ini membolehkan kosa kata bahasa Melayu standard kian bertambah dan tidak terlalu bergantung kepada kosa kata pinjaman.

1.6 Batasan kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, beberapa batasan telah ditemui:

1.6.1 Masa yang terhad

Pengkaji tidak berupaya menjelajah semua kampung di daerah Kuala Kangsar. Pengkaji hanya merujuk kepada 3 buah mukim yang diwakili oleh 12 buah kampung sahaja. Terdapat 9 mukim di Kuala Kangsar dan terletak berjauhan antara satu sama lain.

1.6.2 Responden terhad

Sesetengah responden tidak mahu memberikan kerjasama kerana berasa curiga terhadap pengkaji. Bagi mengatasi hal ini pengkaji membawa bersamanya seorang pembantu yang mengenali responden tersebut.

1.6.3 Linguistic Sensitivity

Di samping itu, timbul juga masalah yang berupa 'linguistic sensitivity' di mana responden agak enggan bertutur apabila ditanya mengenai dialeknya. Oleh itu pengkaji mestilah sentiasa berhati-hati supaya tidak menimbulkan masalah kebahasaan. Walaupun pengkaji anak jati Kuala Kangsar namun dialek yang diguna telah menerima pengaruh luar mengakibatkan responden ragu-ragu untuk memberi kerjasama. Dalam usaha untuk mendapat sumber lisan pula, pengkaji perlu memberikan judul-judul menarik yang boleh diperbualkan. Seterusnya pengkaji perlu bersikap seolah-olah tidak tahu apa-apa. Apabila sedar perbualan mereka dirakam, kemungkinan responden secara automatik akan mengubah dan meniru gaya bahasa Melayu standard.

1.7 Definisi istilah

1.7.1 Dialek

Pengkaji-pengkaji bahasa telah memberikan beberapa definisi tentang dialek. Antaranya Farid M.Onn dan Ajid Che Kob dalam buku susunan mereka, Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan (1993), telah memetik Bloomfield (1933)

sebagai berpendapat bahawa dialek merupakan bentuk bahasa yang hanya dikaitkan dengan para petani dan golongan termiskin, atau golongan-golongan berstatus rendah. Walau bagaimanapun pendapat ini tidak diterima dengan alasan bahawa pandangan tersebut suatu yang tidak dapat dipertahan dari sudut linguistik.

Kini semakin ramai ahli-ahli bahasa menggemari istilah “ragam” atau “variasi” dengan pengertian satu-satu bahasa tertentu yang dapat dianggap sebagai satu entiti. Abdul Hamid Mahmood (1993: 81) memetik Mario A. Pei dan Frank Gaynor (1960), telah mendefinisikan dialek sebagai variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek juga mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang baku dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain.

Menyentuh tentang variasi, Mengantar Simanjuntak (1982: 49) telah meringkaskan dialek sebagai satu variasi bahasa yang dibangunkan oleh sekumpulan manusia yang tinggal di satu kawasan tertentu. Selain itu Edward Sapir (1921: 164) menyatakan bahawa dialek merupakan bentuk pertuturan yang berlainan daripada bentuk bahasa kesusasteraan. R.H. Robins (1967) pula berkata dalam bukunya *General Linguistics: An Introductory Survey* menyatakan bahawa dialek itu adalah satu abstraksi yang sama dengan bahasa tetapi dialek meliputi bilangan penutur yang lebih sedikit.

Berdasarkan definisi-definisi yang dikemukakan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa dialek itu adalah kelainan bentuk bahasa yang digunakan oleh sesebuah kelompok masyarakat untuk menjalankan aktiviti sosial di antara ahli masyarakatnya, tetapi tidak dapat menaikkan tarafnya menjadi satu bahasa yang tersendiri. Dialek ialah variasi daripada satu bahasa tertentu yang dituturkan oleh sekumpulan penutur dalam satu-satu masyarakat bahasa. Dialek mempunyai bentuk tertentu, dituturkan dalam kawasan tertentu dan berbeza daripada bentuk yang standard dari segi sebutan, tatabahasa dan penggunaan kata-kata tertentu, tetapi perbezaannnya tidaklah begitu besar untuk dianggap sebagai satu bahasa yang lain.

Faktor-faktor yang menimbulkan dialek terdiri daripada faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, masa dan seumpamanya. Di Semenanjung Malaysia, di samping faktor alam sekitar dan perhubungan antara penduduk, faktor politik telah membahagi-bahagikan negara ini kepada unit-unit politik yang lebih kecil menjadi negeri Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan.

1.7.2 Dialek Perak (termasuk dialek Kuala Kangsar)

Tutur yang boleh dikatakan mewakili dialek Perak hanya terdapat di dalam negeri Perak (Asmah Hj. Omar: 218). Seterusnya Asmah mendapati bahawa daerah-daerah yang boleh dikatakan betul-betul mewakili dialek Perak ialah daerah Parit dan Kuala Kangsar.

Seorang pengkaji yang berasal dari negeri Perak menyatakan dialek Perak seperti yang dituturkan mempunyai gaya yang khusus dan tertentu yang berlainan dari dialek-dialek bahasa Melayu yang lain (Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd Dain, 1986: 1). Kajian Raja Mukhtaruddin telah menunjukkan bahawa dari segi sejarah, dialek Perak seperti dialek-dialek Melayu yang lain, adalah berpunca dari bentuk bahasa Melayu yang mempunyai aturan dan peraturan tatabahasa yang khusus dan tersendiri. Demikian pula kenyataan umum yang dibuat oleh Zaharani Ahmad dalam tesis sarjananya tentang fonologi dan morfologi dialek Perak.

In general the people of Malaysia distinguish the Perak dialect by the [ε] pronunciation in word final position, in contrast to the [ε] pronunciation widespread in most parts of Malaysia. (Zaharani Bin Ahmad, 1991: 10)

Kesimpulannya dialek Perak adalah salah satu dialek yang terdapat di Malaysia, khususnya oleh penutur-penutur di sekitar Kuala Kangsar terutama di sepanjang Sungai Perak. Selain daripada sebutan yang agak berbeza, ada tatabahasa dialek ini yang sama dengan bahasa Melayu standard.

1.7.3 Geografi Dialek

Pada kebiasaannya, dialektologi adalah sinonim bagi geografi dialek iaitu kajian-kajian mengenai dialek yang menumpukan perhatian kepada dialek-dialek menurut kawasan geografinya (Asmah Hj. Omar, 1985:108). Tetapi dengan bertambah majunya bidang linguistik yang bukan sahaja terhad kepada kajian dalam ruang geografi, malah mencakupi juga kajian dari segi ruang sosial, maka geografi dialek

adalah sebahagian sahaja dari dialektologi. Ini terbukti sebagaimana yang diperkatakan oleh Charles Hockett iaitu,

“variations of usage show some degree of correlation with the social and geography one attempts to draw historical inferences from the geographical distribution of linguistic form and usages... ..”
(Charles Hockett, 1973, hal. 471-472)

Menurut Winfred P. Lehmann, geografi dialek ialah:

“the study of the varying forms of speech in one language is known as dialect geography or dialectology.”
Winfred P. Lehmann, 1962, hal. 117-118)

Munculnya variasi-variasi dialek adalah disebabkan oleh faktor-faktor sejarah, geografi, politik, masa dan sebagainya. Perbezaan yang menonjol antara dialek boleh berupa perbezaan dalam sistem fonologi, morfologi, leksikal, dan sintaksis. Sebagai hasil dari perbezaan-perbezaan ini, akan terhasillah atlas dialek (op.cit. hal. 472) atau peta dialek. Pemetaan dialek atau bahasa adalah kaedah yang bertujuan menempatkan dialek-dialek dari sesuatu bahasa dengan memperlihatkan ciri-ciri tertentu dalam dialek-dialek yang ada. (Asmah Hj. Omar, 1985: 116).

Dari segala kemungkinan yang terdapat dalam geografi dialek, kita dapat melihat perkaitan kekeluargaan dalam dialek atau bahasa malah kaedah ini adalah satu teknik untuk kita merekonstruksi sejarah bahasa yang lampau (Charles Hockett, 1973: 483)